

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan kerja-kerja penyediaan “blue print” untuk memajukan ekonomi kaum India seperti mana yang telah dijanjikan dalam pembentangan RMK-11. Siapakah pihak-pihak yang terlibat dan mengetuai proses merangka “blue print” tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Dewan ini sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penyediaan suatu Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India dalam ucapan beliau ketika pembentangan Rancangan Malaysia ke-11 pada 21 Mei 2015. Penyediaan Pelan Tindakan ini akan diterajui oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India. Bagi menjalankan kerja-kerja penyediaan Pelan Tindakan ini, satu Sekretariat Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India (*Indian Community Blueprint Secretariat*) telah diwujudkan di bawah Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India. Sekretariat ini terdiri daripada wakil Pejabat Perdana Menteri, wakil Unit Perancang Ekonomi dan wakil Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

Struktur penyediaan Pelan Tindakan ini adalah mengikut kaedah yang telah diguna pakai oleh PEMANDU dalam penyediaan Pelan Transformasi Kerajaan. Fasa pertama terdiri daripada mengenal pasti sektor-sektor utama mengikut keperluan masyarakat India dan kumpulan sasaran yang akan dikumpulkan melalui kaji selidik dan sesi dialog bersama wakil-wakil NGO, Parti Politik dan Individu-individu. Fasa kedua pula merangkumi penggubalan dan perancangan untuk melaksanakan Pelan Tindakan tersebut setelah mendapat maklum balas daripada pihak berkepentingan di fasa satu.

Sekretariat Pelan Tindakan Sosioekonomi Masyarakat India ini telah mengadakan sesi dialog bersama beberapa kumpulan berkepentingan dan Parti Politik untuk mendapatkan input dan cadangan untuk dimasukkan ke dalam Pelan Tindakan tersebut. Proses seterusnya adalah untuk membentangkan hasil sesi ini kepada Jawatankuasa Teknikal sebelum diangkat ke Jawatankuasa Penilaian.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Hassan bin Ariffin [Rompin]

TARIKH : 18 November 2015

**SOALAN : Tuan Hassan bin Ariffin minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

adakah Kerajaan bercadang untuk meminda kaedah subsidi padi bagi menggalakkan tanaman padi oleh petani dan swasta. Kaedah subsidi padi dicadang ditukar di mana subsidi padi diberi terus kepada pengilang, manakala petani dan swasta mendapat harga padi semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan memperuntukkan RM 2.211 bilion bagi pemberian bantuan kepada petani-petani di bawah sub-sektor padi. Terdapat tujuh (7) jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif yang diberikan kepada pesawah.

Kaedah pemberian ini adalah diagihkan mengikut kesesuaian pemberian input tersebut seperti berikut:

Bil	Subsidi/Insentif	Peruntukan (RM juta)	Mekanisme Pemberian
1.	Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah	85	Pengeluar BPS
2.	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	465	Pengilang
3.	Insentif Pengeluaran Padi	563	Pengilang dan Pembekal
4.	Subsidi Harga Padi	480	Pesawah
5.	Insentif Peningkatan Hasil	20	Pesawah
6.	Subsidi Harga Beras (ST15%)	528	Pemborong
7.	Subsidi Baja dan Racun bagi Penanaman Padi Huma/Bukit	70	Pengilang
JUMLAH		2,211	

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda kaedah pemberian subsidi. Mekanisme pelaksanaan pemberian subsidi dan insentif ini telah dikaji kesesuaian pelaksanaannya terlebih dahulu sebelum ia diberikan kepada pesawah. Mekanisme yang dilaksanakan pada ketika ini adalah dengan mengambil kira pembangunan industri padi dan beras serta kebajikan kepada pesawah dalam mengurangkan beban dan kos mengusahakan sawah. Kerajaan sedang melihat ke arah merasionalisasikan pemberian subsidi dan insentif ini dari segi peruntukan dan pemberian secara efektif kepada golongan sasaran dari semasa ke semasa. Selaras dengan itu, pada tahun 2016, Kerajaan akan meningkatkan nilai Subsidi Harga Padi daripada RM248.10 kepada RM300.00 dan peningkatan ini diharap akan dapat terus memajukan dan memperkukuhkan industri padi dan beras negara.

SOALAN (44)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
[SETIU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status perkembangan projek 1Malaysia Youth City yang telah diumumkan dalam Bajet 2015 yang lalu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tanjong Malim dan Putrajaya telah dipilih sebagai projek perintis 1Malaysia Youth Cities (1MYC) di Semenanjung Malaysia pada 18 Disember 2014 manakala kawasan Lundu sebagai projek perintis di Sarawak pada 18 Jun 2015 di Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Summit. Projek perintis 1MYC di Sabah sedang di peringkat pengenalpastian tapak. Berikut merupakan kemajuan pelaksanaan 1MYC Tanjong Malim (Perak), Putrajaya dan Lundu (Sarawak): -

i) 1MYC Tanjong Malim

Art Hub merupakan salah satu komponen pembangunan 1MYC Tanjong Malim sebagai pusat tumpuan pelbagai aktiviti kesenian peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kerja menaik taraf Rumah Rehat Tanjong Malim kepada *Art Hub* telah siap pada September 2015. Pelbagai program berkaitan kesenian di *Art Hub*

seperti *Sculpture Installation* dianjurkan untuk mencungkil bakat golongan belia.

Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan beberapa program seperti Program Leadership yang disertai oleh 80 peserta.

ii) **1MYC Putrajaya**

Presint 13 Putrajaya merupakan tapak cadangan bagi 1MYC Putrajaya. Tapak seluas 35 ekar yang terletak bersebelahan IOI City Mall ini merupakan pembangunan bercampur yang mempunyai rumah transit, hotel pusat rekreasi, taman dan pelbagai lagi komponen pembangunan yang akan dibangunkan secara bersepadu. Pembangunan ini melibatkan usahasama dengan syarikat swasta yang akan membangunkan keseluruhan 1MYC Putrajaya.

iii) 1MYC Lundu

Bagi pembangunan 1MYC Lundu, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah membantu pihak kerajaan Negeri Sarawak untuk mengenal pasti komponen pembangunan 1MYC Lundu. Antara komponen pembangunan adalah menaik taraf Kem Belia Pueh, menaik taraf Jubilee Hall kepada *Youth Entrepreneur Centre*, menaik taraf Jubilee Youth Park, Lundu *Mini Sports Complex*, Lundu *Riverfront Beautification* dan pembinaan Kolej Vokasional.